

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	58	RUANGAN	Bisnes

# Tabung Haji umum bonus lapan peratus

**ROBIATULADAWIYAH ABD RASHAD**

**LEMBAGA** Tabung Haji mengumumkan bonus tahunan kepada pendeposit sebanyak 6.5 peratus dan bonus khas sebanyak 1.5 peratus yang akan dibayar pada 10 Februari ini kepada 8.2 juta pendepositanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, sempena Sambutan Jubli Emas Tabung Haji yang meraikan sambutan ke-50, pengurusan Tabung Haji berusaha memberikan hadiah istimewa kepada para pendeposit.

"Ia melibatkan jumlah pembayaran keseluruhan sebanyak RM2.46 bilion yang terdiri daripada bonus tahunan sebanyak RM2.13 bilion dan bonus khas sebanyak RM325 juta yang mana merupakan tertinggi sejak Tabung Haji ditubuhkan.

"Bayaran bonus tahunan ini menunjukkan peningkatan 27 peratus kepada RM2.13 bilion berbanding RM1.68 bilion pada 2011," katanya selepas mengumumkan Bonus Jubli Emas Tabung Haji 2012 di ibu negara semalam.

Beliau berkata kedudukan kewangan Tabung Haji yang positif dan kukuh serta lebih wang rizab yang dikumpulkan selama tujuh tahun lalu, membolehkan Tabung Haji memberi hadiah istimewa ini kepada pendeposit.

Jamil Khir berkata, jumlah itu setelah mengambil kira pembayaran zakat perniagaan sebanyak RM47 juta.

Katanya, pertumbuhan saiz dan dana pendeposit meningkat hampir tiga kali



**Jamil Khir (kiri) pada majlis Pengumuman Bonus Jubli Emas Tabung Haji 2012 di Lembaga Tabung Haji. Turut kelihatan Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor (tengah) dan Ismee.**

ganda sejak awal 2006, sekali gus menunjukkan keyakinan dan kesetiaan pendeposit kepada Tabung Haji.

"Pertumbuhan saiz dan dana pendeposit terus menunjukkan perkembangan yang baik dengan 8.2 juta pendeposit dan RM35.8 bilion dana terkumpul iaitu peningkatan masing-masing sebanyak 17 peratus dan 13 peratus, berbanding tujuh juta pendeposit dan RM31.7 bilion dana pada 2011.

"Tabung Haji berjaya mencapai pendapatan melebihi RM2 bilion selama tiga tahun berturut-turut sejak 2010 dan keuntungan bersih buat pertama kalinya melepasi RM2 bilion selepas berjaya berada di paras RM1 bilion selama lima tahun berturut-turut dari 2007," katanya.

Menurutnya, jumlah aset pelaburan

Tabung Haji 2012 terus mencatatkan pertumbuhan yang sihat sebanyak 22 peratus kepada RM38.4 bilion daripada RM31.4 bilion pada tahun sebelumnya.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail berkata, pihaknya akan menggunakan strategi sedia ada bagi meraih lebih banyak keuntungan.

"Kita akan perluaskan pelaburan dalam sektor hartanah di dalam dan luar negara kerana kita lihat keberhasilannya sangat baik. Selain itu, secara taktikal kita akan membuat pelaburan di dalam pelaburan syariah," katanya.

Menurutnya, model perniagaan Tabung Haji tertumpu kepada sumber pendapatan berulang iaitu dalam bidang hartanah.